

Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 5 Februari 2018

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2018

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

LARANGAN MENDAFTAR PENGAJIAN BAGI PELAJAR YANG MASIH BERHUTANG

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, tunggakan hutang pelajar UKM adalah tinggi. Sehingga kini jumlah hutang tertunggak pelajar adalah sebanyak RM 19 juta. Tunggakan berlaku kerana pelajar yang tidak membuat bayaran yuran dan masih berhutang didaftarkan pengajian tanpa kebenaran Jabatan Bendahari. Perkara ini telah dikenalpasti menjadi punca peningkatan tunggakan hutang dan sehubungan itu satu kawalan sekatan pendaftaran dan kutipan hutang perlu dilaksanakan untuk memastikan hutang pelajar dapat dikutip secara berkesan.

3. Selaras dengan peraturan kewangan, perkara **76 Tindakan terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Bayaran** di dalam buku Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM, pelajar akan dikenakan tindakan termasuk sekatan dari pendaftaran sekiranya gagal menjelaskan yuran atau tuntutan lain yang dikenakan oleh Universiti. Oleh itu bagi memastikan keberkesanan kutipan yuran, para pelajar hendaklah menyelesaikan hutang tertunggak dan yuran semasa bagi pelajar pascasiswazah dan pelajar prasiswazah perlu menjelaskan hutang tertunggak sahaja sebelum pendaftaran boleh dilakukan. Kakitangan di Pusat Tanggungjawab yang menerima pelajar adalah dilarang membuat pendaftaran bagi pihak pelajar atau mendaftarkan pelajar yang masih berhutang.



MS ISO 9001:2008 Cert. No.: AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

4. Sekiranya terdapat pelajar yang mempunyai masalah kewangan dalam menyelesaikan yuran, pelajar boleh merujuk kepada Unit Zakat UKM (bagi pelajar beragama Islam sahaja) dan Unit Kebajikan Pelajar UKM bagi bantuan kewangan. Walau bagaimanapun, sebarang bantuan adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Bahagian Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari iaitu di talian 03-89118181/ 8182/ 8183 atau emel kepada ukpbendahari@ukm.edu.my.


Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

KHALIJAH HJ. BAKAR
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
 - Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik UKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>